

13/12/1999

Siti Zaharah minta NGO teruskan kerjasama

KUANTAN, Ahad - Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, akan menemui semua pihak terbabit khasnya badan bukan kerajaan (NGO) dalam usaha mendapatkan maklum balas berhubung program yang sudah dan bakal dilaksanakan Kementerian.

Beliau berkata, NGO diminta terus bekerjasama dan memberi sokongan kepada Kementerian kerana badan itu banyak memberi idea terbaik untuk kepentingan negara.

Selain itu, Dr Siti Zaharah akan meminta pegawai kanan Kementerian memberi taklimat berhubung program yang dilaksanakan Kementerian bagi memudahkannya menjalankan tugas baru kelak.

Beliau berkata, amanah yang diserahkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepadanya untuk menerajui Kementerian itu bagi menggantikan Datin Paduka Zaleha Ismail, akan dilaksanakan secara bersungguh-sungguh.

Katanya, sebelum ini, banyak program pembangunan masyarakat dan perpaduan nasional dilaksanakan, dan penekanan ke arah itu diteruskan pada masa depan kerana ia menjadi perkara utama yang perlu diberi perhatian dalam usaha mewujudkan masyarakat harmoni di Malaysia pada alaf baru.

"Saya berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk menerajui Kementerian ini. Sebagai permulaan, saya akan meminta pegawai Kementerian memberi taklimat berhubung soal dasar terkini dan pelaksanaannya.

"Saya yakin ada kajian terdahulu yang dijalankan, malah sebelum ini sudah banyak program pembangunan masyarakat dan perpaduan nasional dilaksanakan dan ia akan diteruskan pada masa depan.

"Ini tidak dapat dielakkan kerana ia perkara wajib yang perlu kita tengok dalam usaha melahirkan masyarakat penyayang, harmoni dan bertolak ansur, sekaligus menjana ke arah pembangunan negara," katanya ketika dihubungi hari ini.

Majlis mengangkat sumpah sebagai menteri Kabinet akan dilakukan pada 14 Disember ini.

Dr Siti Zaharah berkata, Perdana Menteri mempunyai perancangan yang hebat untuk memastikan pembangunan negara dilaksanakan dan semua pihak perlu mengikut program yang ditetapkan itu, supaya mencapai matlamatnya.

Berikutan itu, katanya, beliau sedia mendengar pandangan pelbagai pihak bagi mendapat idea terbaik ketika mengendalikan Kementerian itu kelak.

"Apa yang penting, masyarakat mendapat manfaat daripada program yang dilaksanakan kelak," katanya.

(END)